

22 JUL 1999

Mahathir-Kelantan

BN MAHU TAWAN SEMULA KELANTAN

KOTA BAHARU, 22 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan matlamat besar Barisan Nasional (BN) untuk merampas semula Kelantan daripada PAS.

Katanya matlamat BN ialah untuk membebaskan rakyat Kelantan daripada penderitaan yang sudah lama ditanggung mereka di bawah pemerintahan PAS yang memperalatkan agama untuk kepentingannya.

"Oleh kerana itu, orang Kelantan mestilah menolong diri mereka sendiri dengan mengundi BN (pada pilihan raya yang akan datang)," kata Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno, kepada kira-kira 3,000 pemimpin BN pada satu perhimpunan di sini hari ini.

Perjumpaan yang pertama kali diadakan sejak Dr Mahathir menyerahkan teraju kepimpinan Umno Kelantan kepada Tengku Razaleigh Hamzah pada 20 Jun lepas itu mendapat sambutan hangat dengan para penyokong BN melimpahi dewan tempat acara itu diadakan di sebuah hotel di sini yang dianggarkan hanya dapat menampung kira-kira 2,000 orang.

"Apabila menang, kita (BN) tidak akan buat apa yang mereka (PAS) buat. Kita akan mentadbir secara adil kerana rakyat Kelantan sudah lama menderita di bawah pemerintahan PAS," katanya.

Dr Mahathir berkata Kelantan kini tidak mencapai tahap kemajuan yang sepatutnya dinikmatinya kerana kerajaan PAS tidak mempunyai kecekapan untuk mentadbir.

Katanya perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana Kelantan mempunyai ramai anak negeri yang berkebolehan termasuk banyak yang telah menjadi pegawai dalam kerajaan pusat, peguam dan peniaga berjaya.

Beliau berkata sungguhpun Kelantan mempunyai banyak orang yang berkebolehan dalam bidang perniagaan dan kerjatangan, negeri itu tidak mencapai kemajuan yang diharapkan kerana rakyatnya salah memilih kerajaan.

Dr Mahathir juga mengingatkan mereka bahawa tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa kecuali mereka mengubah nasib mereka sendiri.

Beliau berkata rakyat tidak perlu menyingkirkan PAS dan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat tetapi hendaklah memberikan mereka peranan yang sesuai dengan kecekapannya.

"Jangan undi dia tapi bila nak baca talqin kita panggil dia," katanya Dr Mahathir yang menegaskan bahawa kecekapan mereka hanyalah dalam bidang agama.

Beliau juga menyebut contoh sekiranya Nik Aziz dilantik menjadi jeneral untuk berperang, tidak mungkin beliau dapat melakukannya dengan baik kerana itu bukan bidangnya.

Perdana Menteri sempat berseloroh dengan berkata Nik Aziz masih boleh menjadi jeneral dalam Kor Agama Angkatan Tentera yang tidak memerlukannya untuk memegang senjata.

Dr Mahathir berkata PAS yang memerintah Kelantan sejak 1990 gagal membawa pembangunan termasuklah gagal mengatasi krisis air di negeri itu.

Katanya PAS tidak mempunyai matlamat yang jelas kecuali untuk memecah-belah orang Melayu.

Katanya dasar parti itu sering berubah misalnya suatu ketika dahulu ia mengkafirkan Umno serta bersembahyang dua imam dan masjid yang berlainan tetapi kini ia mengamalkan dasar berbeza sama sekali termasuk membeza-bezakan wanita cantik dan hodoh.

"Bagi dia semuanya hanya alat untuk menjadi kerajaan, Menteri Besar dan Perdana Menteri," katanya.

Dr Mahathir juga berkata hasrat PAS hendak melelong Putrajaya hanyalah untuk menuduh kerajaan boros dan mewujudkan kebencian di kalangan rakyat terhadap kerajaan untuk mendapatkan tambahan undi dalam pilihan raya.

"Mereka sanggup buat apa sahaja untuk satu matlamat (iaitu) mendapat undi dalam pilihan raya," katanya.

Dr Mahathir berkata pembangkang berjanji apa sahaja termasuk perkara-perkara yang tidak mungkin dapat ditunaikannya kerana percaya ia tidak akan dapat membentuk kerajaan selepas pilihan raya akan datang.

"Kerana itu mereka berani berjanji seperti hendak membayar pencen kepada suri rumah," katanya.

Beliau berkata BN sebaliknya tidak sanggup memberi janji-janji yang pasti tidak dapat ditunaikannya tetapi berjanji akan memajukan negara.

Perdana Menteri berkata matlamat Umno juga tidak pernah berubah sejak mencapai kemerdekaan 42 tahun yang lepas iaitu untuk menjadikan negara ini benar-benar merdeka, maju dan masyarakatnya yang majmuk kekal dalam harmonis.

"Perjuangan Umno hanyalah untuk kepentingan agama, bangsa dan negara," katanya.

Dr Mahathir juga berkata penting bagi anggota BN menyokong sesiapa sahaja calon yang dipilih dalam pilihan raya akan datang tanpa mengambil kira keturunan atau parti yang diwakilinya.

Katanya walaupun sesuatu kaum itu hanya menjadi kumpulan minoriti di sesuatu kawasan pilihan raya tetapi kerap kali mereka mempunyai peranan penting dalam menentukan kemenangan calon BN.

Beliau juga menasihati semua anggota parti BN supaya tidak mengamalkan sikap berpuak-puak dan tidak membeza-bezakan antara anggota lama ataupun baru sambil memberi contoh mengenai penerimaan semula bekas anggota Parti Melayu Semangat 46.

"Hari ini Umno di Kelantan tidak ada perbezaan antara bekas 46 ataupun tidak," katanya.

Perdana Menteri juga berkata BN perlu memenangi pilihan raya dengan majoriti dua pertiga supaya kerajaan dapat melaksanakan perkara-perkara yang memberi manfaat kepada rakyat walaupun tindakan itu tidak popular.

-- BERNAMA

TM NMO MAI